



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Jumlah Kekosongan Jawatan - **TETAP / KONTRAK : 2**

Penempatan Jawatan: PUSAT SAINS KEMANUSIAAN, UMPSA KAMPUS GAMBANG

PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS45/DS51/DS53/VK7

***PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS11/DS13/DS14/VK7**

***(Gred Lantikan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024)**

Kelayakan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(d) Memiliki ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS51: RM6,210.00).

KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS11

1. (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,320.00); dan

KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS13

2. (i) Mempunyai kelayakan asas; dan

(ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan

(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS13: RM6,210.00); dan

(iv) Syarat tambahan kepada pemohon **bukan warganegara** bagi jawatan Pensyarah Universiti Gred DS13 hendaklah memiliki :

a) Pengalaman relevan sekurang-kurangnya 8 tahun; atau

b) Pengalaman antara 6 hingga 7 tahun bagi calon dalam bidang kritikal

KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PROFESOR MADYA GRED DS14

3. (i) Mempunyai kelayakan asas ; dan

(ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan

(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS14: RM6,560.00); dan

(iv) Syarat tambahan kepada pemohon **bukan warganegara** bagi jawatan Profesor Madya Gred DS14 hendaklah memiliki :

a) Pengalaman relevan sekurang-kurangnya 11 tahun; atau

b) Pengalaman antara 9 hingga 10 tahun bagi calon dalam bidang kritikal

KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7)

3. (i) Mempunyai kelayakan asas ; dan

(ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan

(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00); dan

(iv) Syarat tambahan kepada pemohon **bukan warganegara** bagi jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) hendaklah memiliki :

a) Pengalaman relevan sekurang-kurangnya 15 tahun; atau

b) Pengalaman antara 12 hingga 14 tahun bagi calon dalam bidang kritikal

Mempunyai kemahiran dalam bidang:

1) Humanities/ Social Sciences

Klasifikasi Bidang:

Sains Sosial / Social Sciences	Sains Kemanusiaan / Humanities
<ol style="list-style-type: none">1. Mempunyai PhD dalam bidang Sains Sosial dan berpengalaman dalam sub bidang iaitu Falsafah & Isu semasa, Etika & Peradaban, dan Psikologi / Kaunseling adalah digalakkan untuk memohon. (keutamaan kepada calon yang mempunyai pendaftaran bersama Lembaga Kaunselor Malaysia)2. Mampu berkomunikasi dengan fasih dan lancar dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.	<ol style="list-style-type: none">1. Mempunyai PhD dalam bidang Sains Kemanusiaan dan berpengalaman dalam subbidang iaitu Falsafah & Isu Semasa, Etika & Peradaban, Sejarah, Pengajian Islam dan Pematuhan Halal adalah digalakkan untuk memohon.2. Mampu berkomunikasi dengan fasih dan lancar dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Penguasaan Bahasa Arab yang baik adalah satu kelebihan.

Kriteria Tambahan :

1. Calon perlu mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan fasih dan lancar dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar
2. Calon hendaklah berkemahiran dengan penggunaan peranti, perisian, teknologi dan apa-apa aplikasi dalam pengajaran & pembelajaran dan penyelidikan.
3. Calon hendaklah mempunyai kemahiran yang luas dan berpengalaman dalam membuat analisa secara kritikal yang tinggi, berkomunikasi interpersonal dan membuat pembentangan dengan baik.
4. Berpengalaman dalam mengendalikan sesi latihan/ bengkel/seminar (contoh; penceramah, insructor, fasilitator, pengurus acara dan sebagainya
5. Calon hendaklah mempunyai pengalaman luas berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP), penyelidikan dan penerbitan
6. Calon yang mempunyai penulisan yang berindek (SCOPUS/WOS dan sebagainya yang diiktiraf) akan mempunyai kelebihan.
7. Calon yang mempunyai pengalaman bekerja yang berkaitan bersama agensi / industri melebihi dua (2) tahun ke atas akan diberi keutamaan.
8. Berpengalaman dalam membina modul berkaitan dengan bidang sains kemanusiaan dan Mata Pelajaran Umum (MPU) universiti .
9. Calon yang mempunyai pengalaman memegang jawatan pengurusan / pentadbiran akan mempunyai kelebihan.
10. Calon mempunyai pengalaman luas dan minat yang mendalam terhadap pembangunan & pendidikan pelajar secara seimbang dan holistik.
11. Calon mestilah mempunyai kebolehan bekerja secara multi-tasking dan daya tahan bekerja di bawah tekanan yang tinggi dalam pelbagai mod ke arah pencapaian objektif yang ditetapkan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilain Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

PUSAT PENGURUSAN BAKAT

JABATAN PENDAFTAR

CANSELERI TUN ABDUL RAZAK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

26600 PEKAN

PAHANG DARUL MAKMUR

(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA : 11/06/2024

TARIKH TUTUP : 25/06/2024